

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	Percetakan Fail Sijil dan Sijil Productivity Champion
TARIKH/ GARIS MASA Keterangan: Jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	November – Disember 2022
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: Tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	• Memohon kelulusan BOM, perolehan bahan percetakan untuk pengiktirafan Productivity Champion bagi projek peningkatan produktiviti, seperti sijil, dan fail sijil. • Sehingga 9 November 2022, bilangan penerima PC adalah seramai 5,364 dan terus bertambah dari masa ke masa. • Sasaran KPI Menteri iaitu 900 Productivity Champion telah melebihi 100% pada Jun 2022. • Sasaran pihak pengurusan MPC adalah seramai 10,000 PC bagi tahun ini.
JUSTIFIKASI Keterangan: Penjelasan yang menyokong kepada pelaksanaan projek/ cadangan	• Sehingga November 2022 PC telah mencapai 54% sasaran, dan memerlukan 46% lagi untuk diiktiraf sebagai Productivity Champion bagi tahun ini. • Penyerahan fail dan sijil secara fizikal akan melibatkan sebanyak 5,281 keping bagi mencapai sasaran 10,000 penerima PC. • Sijil secara fizikal akan diberikan sekiranya terdapat keperluan penyerahan pada majlis-majlis yang dianjurkan. • Majlis Pengiktirafan diadakan oleh pejabat wilayah dan bahagian di MPC memerlukan bunting sebagai tarikan bagi menggalakkan penyertaan productivity Champion. • Selaras dengan RMK-12 dimana kecekapan tenaga kerja mampu menyediakan ekosistem yang kondusif dan menggalakkan inovasi untuk organisasi terus berkembang. Serta penggunaan Behavioural Insights (BI) untuk menambah baik kecekapan Perkhidmatan Awam. • Di dalam Malaysia Productivity Blueprint (MPB), Bidang utama dalam peningkatan produktiviti adalah melibatkan bakat yang mempunyai kemahiran tinggi yang mampu melaksanakan dan mentadbir urus organisasi dengan lebih baik.

	• Sijil PC adalah sebagai “nudging” iaitu motivasi kepada individu yang terlibat dalam projek penambahbaikan berterusan. • Penghargaan yang diberikan oleh MPC akan menjadi satu kejayaan bagi individu yang akan meningkatkan motivasi dan inspirasi bekerja serta menambahbaik perhubungan bersama MPC. • Inisiatif ini membantu dalam meningkatkan indikator daya saing seperti Kepelbagaian tenaga kerja, Produktiviti Pekerja, Motivasi Pekerja dan untuk Menarik dan Mengekalkan Bakat. • Pekerja yang produktif dan berkualiti akan menyumbangkan inisiatif peningkatan produktiviti justeru meningkatkan prestasi organisasi.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: Kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	Setiap permohonan PC dari pejabat wilayah dan setiap bahagian di Ibu Pejabat akan diproses bagi penyediaan sijil PC. Membuat percetakan sijil PC dengan dilengkapi fail sijil. Bagi kaedah kedua e-Sijil dalam ePC akan dicetak bersama pembekal percetakan apabila ada keperluan penyerahan semasa majlis. Memberikan Sijil Pengiktirafan PC semasa majlis-majlis yang dirancang oleh Pejabat Wilayah dan Bahagian di Ibu Pejabat. Pecahan maklumat terperinci seperti Lampiran 1.
STAKEHOLDERS/ PIHAK BERKEPENTINGAN Keterangan: Pihak atau kumpulan yang menerima kesan positif mahupun negatif daripada projek yang dijalankan	- MITI, Kerajaan dan Agensi - MNC, GLC, Besar & PMKS - Akademia - Non-Governmental Organisation (NGO) - Persatuan-persatuan - Komuniti
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: Apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	1. Sijil PC yang diserahkan akan memberikan nilai tambah dan motivasi dalam kerjaya individu. 2. Meningkatkan bilangan permohonan dan mampu menyimpan maklumat serta memenuhi KPI Menteri. 3. Meningkatkan penglibatan dan pangkalan data serta akan menjadi satu komuniti produktiviti yang lebih besar.
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: Output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	10,000 Productivity Champion bagi tahun 2022.

KUMPULAN SASAR Keterangan: Individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	Individu yang aktif dalam melaksanakan inisiatif peningkatan produktiviti di Malaysia dari sektor swasta, Kerajaan dan awam dengan projek-projek yang mempunyai elemen Behavioral Insights. MNC, GLC, Syarikat Besar, PMKS, Kerajaan & Agensi, Persatuan, NGO/NPO dan Komuniti.
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: Sumber bajet / jumlah kos yang terlibat.	RM14,600.00 (Bajet Operasi)
HASIL (RM) - SEKIRANYA ADA Keterangan: Pendapatan yang diterima daripada projek	Tiada
SYOR Keterangan: Keputusan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Memohon kelulusan BOM bagi cadangan: Percetakan Fail Sijil dan Sijil Productivity Champion
UNIT/ BAHAGIAN	DGO/ Seksyen Pembangunan Bakat/ Productivity Champion

****Sila lampirkan maklumat-maklumat lain yang berkaitan sekiranya perlu.**

(Contoh: Agenda program, perincian kos, pelan risiko, gambar rajah, lakaran pelan, senarai nama, carta Gantt, dll.)

Hanya untuk permohonan yang menggunakan Bajet Pembangunan dari Unit/Bahagian lain. Kolum ini boleh diabaikan sekiranya tidak berkaitan.		
DISOKONG OLEH: NAMA PEGAWAI PENJAGA BAJET PEMBANGUNAN Jawatan: Nama Bajet: Tarikh:		
DISEDIAKAN OLEH:  SYED MOHD AL-KHAFIEZ SHAH SYED MOHD AZAM SHAH Penolong Pengurus Tarikh: 7/11/2022	DISEMAK OLEH:  NIK FAIZAL NIK AHMAD Timbalan Pengarah Tarikh: 7.11.2022	DISOKONG:  MOHAMAD MUZAFFAR ABDUL HAMID Pengarah Tarikh: 7.11.2022

BILANGAN DAN KUMPULAN SASAR

Bil.	Kumpulan Sasar	Kuantiti
1	Sektor Awam (Jabatan Kerajaan dan Akademia)	3,000
2	Sektor Swasta (MNC, GLC, Besar dan PMKS)	6,000
3	NGO, NPO, Persatuan, Komuniti dan Yayasan.	1,000

ANGGARAN KOS

Bil.	Perkara	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	Percetakan Fail (cover) Sijil Productivity Champion	2,000 unit	2.80/unit	5,600.00
2.	Sijil Productivity Champion	2,000 unit	4.50/unit	9,000.00
JUMLAH (Bajet OE)				14,600.00